

19/03/1998

Kegawatan tidak jejas Ensidesa

ENSIDESA Sdn Berhad (Ensidesa), kontraktor berwibawa kelas A milik Bumiputera di Terengganu membuktikan kegawatan ekonomi tidak menghalang syarikat itu untuk terus aktif.

Hasil pengurusan cekap dan disiplin kerja yang ketat, Ensidesa terus diberi kepercayaan untuk menjayakan pelbagai projek pembangunan di negeri ini.

Pengarah Urusannya, Kamaruddin Endut, berkata syarikat itu kini menumpukan perhatian untuk menyiapkan 200 unit rumah Projek Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) di Rhu Tapai, Merang, Setiu.

Projek berharga RM5 juta itu dibiayai Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bagi menempatkan golongan rakyat termiskin di negeri ini yang terbabit dalam bidang pertanian.

"Mulanya projek berkenaan dijadualkan siap November depan tetapi atas permintaan kerajaan negeri, projek ini disiapkan menjelang bulan depan iaitu lebih awal dari tarikh asal.

"Kami terpaksa berkorban walaupun membabitkan tambahan kos bagi menjayakan projek berkenaan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melawat projek PPRT itu pada 26 Mac ini selepas merasmikan Taman Industri Tani di Rhu Tapai.

Kamaruddin, 38, berkata Ensidesa sedang menyiapkan projek benteng pemecah ombak di Pelabuhan Perikanan Cendering Kuala Terengganu dan benteng pemecah ombak di Kuala Merang, Setiu yang membabitkan kos lebih RM10 juta.

Ensidesa juga diberi kepercayaan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyiapkan jalan luar bandar di seluruh negeri ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) yang berharga kira-kira RM40 juta.

"Projek itu sudah dimulakan tahun lalu dan pembinaannya tamat pada tahun 2000," katanya.

Satu lagi projek syarikat itu ialah menyediakan pelan reka bentuk dan membina kompleks Kastam dan Eksais Diraja Malaysia di Kuala Terengganu yang berharga RM18 juta.

Ensidesa yang sudah 15 tahun terbabit dalam bidang pembinaan di Terengganu mendapat pengiktirafan sebagai kontraktor Kelas A Wibawa milik penuh Bumiputera tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, Kamaruddin yang berasal dari Kuala Berang berkata, pelbagai cabaran terpaksa ditempuh sebelum syarikatnya mencapai status itu.

(END)